



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 5 Tahun 2023

PINDAAN KEAHLIAN BAGI JAWATANKUASA PELUPUSAN ASET TAK ALIH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan pindaan keahlian bagi Jawatankuasa Aset Tak Alih Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2019 telah dikeluarkan untuk penstrukturan semula Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UiTM dan Jawatankuasa Aset Tak Alih UiTM.
- 2.2 Walau bagaimanapun, terdapat perubahan nomenklatur ahli kerana penggabungan fakulti kepada kolej pengajian.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan ke-233 bertarikh 25 Julai 2023 telah meluluskan cadangan pindaan keahlian bagi Jawatankuasa Aset Tak Alih Universiti Teknologi MARA (UiTM).

3.0 PINDAAN KEAHLIAN BAGI JAWATANKUASA PELUPUSAN ASET TAK ALIH UiTM

3.1 Pindaan keahlian bagi Jawatankuasa Aset Tak Alih Universiti Teknologi MARA (UiTM) adalah seperti di jadual berikut:

3.1.1 UiTM Shah Alam

KEAHLIAN	JAWATAN
Pengerusi	Timbalan Naib Canselor
Ahli	1. Bendahari
	2. Ketua Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan
	3. Ketua Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Kolej Pengajian Kejuruteraan

KEAHLIAN	JAWATAN
	4. Ketua Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Kolej Pengajian Kejuruteraan
	5. Ketua Pengajian Ukur Bahan, Kolej Pengajian Alam Bina
	6. Ketua Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
	7. Wakil Pejabat Penasihat Undang-Undang
Pembentang Turut Hadir Bersama	1. Pengarah Pembangunan Infrastruktur 2. Pengarah Hartanah, Bahagian Pengurusan Hartanah & Pelaburan 3. Jurutera Awam & Struktur sebagai Wakil Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur 4. Juruukur Bahan sebagai Wakil Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur
Setiausaha	Ketua Bahagian Pengurusan Harta Benda, Jabatan Pengurusan Perolehan dan Aset
Urusetia	Bahagian Pengurusan Harta Benda, Jabatan Pengurusan Perolehan dan Aset

3.1.2 UiTM Kampus Cawangan

KEAHLIAN	JAWATAN
Pengerusi	Rektor
Ahli	1. Timbalan Rektor Yang Dilantik 2. Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti 3. Pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal berkenaan/ Pegawai Teknikal dari Agensi Luar 4. Ketua Pejabat Bendahari 5. Ketua Pejabat Pentadbiran 6. Wakil Penasihat Undang-Undang Cawangan (Pensyarah yang mempunyai pengetahuan undang-undang)
Pembentang Turut Hadir Bersama	1. Jurutera 2. Ketua Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 3. Jurutera/Penolong Jurutera sebagai Wakil Bahagian Pengurusan Fasiliti 4. Juruukur Bahan/ Penolong Juruukur Bahan sebagai Wakil Bahagian Pengurusan Fasiliti
Setiausaha	Ketua Unit Pengurusan Harta Benda, Pejabat Bendahari
Urusetia	Unit Pengurusan Harta Benda, Pejabat Bendahari

3.2 Surat Pekeliling ini perlu dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2019 berkenaan Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UiTM.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2023.



WAN HASMADI WAN MOHAMED

Bendahari

Universiti Teknologi MARA

Dikelilingkan Kepada :

*Semua Ketua Jabatan/ Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam
Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Negeri/ Kampus Cawangan/ Kampus Satelit*

*Bil. Fail : 100-BBI(PHB.6/6)
No. Siri : 100-BBI(PTA/5/2023)*